

26 FEB 2001

MAHATHIR-MAS

RAKYAT ASING MUNGKIN DILANTIK CEO MALAYSIA AIRLINES CEO, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bahawa seorang rakyat asing mungkin dilantik sebagai ketua pegawai operasi Malaysia Airlines (MAS).

"Kita perlu mencari beberapa rakyat asing yang mempunyai pengetahuan teknikal yang lebih untuk mengendalikan sesebuah syarikat penerbangan," beliau memberitahu persidangan akhbar selepas melancarkan Persidangan Antarabangsa mengenai Globalisasi di sini hari ini.

Dr Mahathir menjawab soalan mengenai kemungkinan rakyat asing diambil untuk memulihkan syarikat penerbangan kebangsaan yang tenat itu.

Dr Mahathir berkata pakar asing diperlukan kerana mengendalikan sesebuah syarikat penerbangan bukan sama dengan menguruskan sebuah syarikat petroleum dan ekonomi.

Katanya bahawa Tan Sri Azizan Zainul Abidin dan Md Nor Yusof datang daripada industri petroleum dan Perbendaharaan, masing-masing.

"Kita mungkin mendapat rakyat asing atau mungkin dapat seseorang yang berpengetahuan (mengendalikan syarikat penerbangan)," tambahnya.

Azizan, pengerusi Petronas dan Presiden Putrajaya Corporation, dilantik sebagai pengerusi bukan eksekutif syarikat penerbangan itu manakala Md Nor, penasihat Kementerian Kewangan, pengarah urusannya berkuat kuasa 15 Feb.

Md Nor adalah juga presiden dan ketua pegawai eksekutif bekas Bank of Commerce (M) Bhd sebelum dilantik sebagai penasihat kepada Kementerian Kewangan.

Kementerian Kewangan yang membuat pengumuman itu 14 Feb lalu juga berkata bahawa permohonan oleh pengerusi MAS Tan Sri Tajudin Ramli untuk meletak jawatan telah diterima.

Inia berikutan selesainya penjualan 29.09 peratus kepentingannya di dalam syarikat itu yang dipegang melalui Naluri Bhd kepada Minister of Finance Inc untuk RM1.792 bilion.

Kementerian Kewangan berkata pelantikan Azizan tidak akan menjejaskan jawatan-jawatan beliau yang lain.

Ditanya mengenai kedudukan perundingan berkaitan dengan rancangan penjualan kepentingan kerajaan di dalam MAS kepada rakyat asing, Dr Mahathir berkata bahawa sungguhpun banyak pihak telah menyatakan minat, adalah tidak mudah untuk memutuskannya.

"Rakan-rakan kongsi mestilah bersetuju dan rakan-rakan kongsi asing mestilah rela," tambahnya.

Beliau enggan menamakan pihak-pihak asing yang terbabit di dalam perundingan yang sedang berjalan itu. -- BERNAMA

MAD MFJ FR OS